


# BIM

PIAWAIAN BIM JKR



# PIAWAIAN BIM JKR

## EDISI 2014

Keluaran

### **CAWANGAN PENGURUSAN PROJEK KOMPLEKS JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara yang bertujuan mendapatkan keuntungan sebelum memperoleh izin bertulis daripada Jabatan Kerja Raya Malaysia.

Cawangan Pengurusan Projek Kompleks  
*Unit Building Information Modeling*  
Tingkat 20, Menara PJD  
No. 50, Jalan Tun Razak  
50400 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

No. Telefon : 03- 2618 8888 (Talian Umum)  
03- 2618 7510 (Pejabat Pengarah Kanan)  
No. Faks : 03-4041 1940

## PENDAHULUAN

Piawaian *Building Information Modeling* (BIM) Jabatan Kerja Raya (JKR) ini merupakan sebuah dokumen rujukan di peringkat jabatan. Dokumen ini menjelaskan kaedah pelaksanaan BIM secara asas di dalam pelaksanaan projek JKR dan hendaklah dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat. Penyediaan dokumen ini adalah berasaskan kepada perisian Autodesk yang merupakan platform pelaksanaan BIM di JKR.

Dengan adanya piawaian di dalam dokumen ini, diharapkan agar tetapan yang disediakan dapat membantu pihak yang terlibat mengekalkan integriti dan akauntabiliti model di sepanjang proses penyediaan, pengemaskinian dan kolaborasi model. Seterusnya, ia dapat mengelakkan ketidakpatuhan kepada mana-mana proses dan syarat yang berkaitan.

Adalah diharapkan agar isi kandungan dokumen ini dapat memberi kefahaman, pengetahuan dan maklumat berguna kepada semua pihak dalam merealisasikan proses penyediaan model yang lebih terancang, meningkatkan kompetensi para pegawai serta memberi nilai tambah kepada sistem penyampaian projek.

Dokumen ini adalah terpakai untuk semua projek yang direkabentuk secara konvensional dalaman (*in-house*) sahaja. Bagi projek yang direkabentuk oleh perunding, dokumen ini boleh juga digunakan sebagai rujukan mengikut kesesuaian. Penggunaan dokumen ini hendaklah selari dengan amalan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) JKR yang berkaitan. Penambahbaikan dokumen perlu dilaksanakan secara berterusan pada masa akan datang untuk disesuaikan dengan perkembangan teknologi BIM semasa serta bagi tujuan memperluaskan faedah dan skop penggunaan BIM dengan lebih terperinci.

Jabatan Kerja Raya Malaysia

Disember 2014

## PENGHARGAAN

### **JAWATANKUASA INDUK BIM**

Pengerusi	Ir. Hj. Mohd Daud Bin Harun
Mantan Pengerusi	Dato'. Ir. Hj. Salehuddin Bin Mohd Isa
Timbalan Pengerusi	Ir. Ramli Bin Mohd Yusoff
AJK	Ar. Zairul Azidin Bin Badri
	Kamaluddin Bin Haji Abdul Rashid
	Ir. Razdwani Bin Kasim
	Ir. Gopal Narian Kutty
	Ir. Hanizan Binti Shaffii
	Zularifin Bin Sejo
	Sr. Nik Zainal Alam Bin Hasan
	Husnan Bin Hussin
	Selmaah Binti Ahmad
	Rohaya Binti Abdul Mois
	Dzulhadi Bin Sapari
	Aidzil Adzahar Bin Ahmad
Pengerusi JK Kerja Projek Perintis	Ar. Hanapi Bin Hamdan
Pengerusi JK Kerja <i>Change Management</i>	Ar. Yong Razidah Binti Rashid
Pengerusi JK Kerja ICT	Ahmad Bin Daud
Pengerusi JK Kerja Tender & Pembinaan	Sr. Nik Zainal Alam Bin Hasan
Pengerusi JK Kerja Pengurusan Fasiliti	Ir. Mohd Sabri Bin Mat Deris
Urus Setia	Ahmad Bin Daud
	Mohd Fairuz Bin Muhamad
	Marcellus Bin Atiu
	Mohamed Firdaus Bin Othman
	Mohd Hambali Bin Noh
	Zairi Bin Zaini

**UNIT BUILDING INFORMATION MODELING**

Ketua Penolong Pengarah	Ahmad Azmil Bin Mohd Azlan
Ketua Penolong Pengarah	Muhammad Khairi Bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan	Ir. Ahmad Ridzuan Bin Abu Bakar
	Norizaludin Bin Abd Karim
	Salizawati Binti Hj. Shamsuddin
	Sr. Nur Waheeda Binti Ismail
Penolong Pengarah	Nurhidayah Binti Anuar
	Zainariah Binti Zainal Abidin
	Ir. Mohd Faiz Bin Shapiai
	Ahmad Syukri Bin Bukhari
	Mirzam Bin Taiman
	Syamil Musaddiq Bin Mohd Ashhar
	Rashaiza Binti Yusof
	Nur Najwani Binti Kamarulzaman
	Noor Asyikin Binti Sepiai
	Norazleen Binti Ahmad Zakri
	Noorwidhayu Binti Mohd Bakri
	Suhana Binti Che Seman
	Nahziatal Shima Binti Ismail
	Ielyareha Binti Othman
Penolong Jurutera	Mohd Lokman Bin Seman

**SUMBANGAN BERSAMA**

Penolong Pengarah Kanan

Azilan Bin Mohd Ali

Ir. Mohd Rashid Bin Ya'acob

Penolong Pengarah

Meor Shahrullizam Bin Sulaiman

Mohd Shariffudin Bin Mohd Saidin

Wan Mohd Norafizul Bin Wan Ahmad

Nurulhakim Faiz Bin Nazir

Mohd Hairie Bin Abd Halim

Faizul Azwan Bin Ariffin

Khairul Nizam Harun

Mohd Zulkhairi Bin Awang@Hashim

Penolong Jurutera

Nazrul Izham Bin Bisnan

**AKRONIM DAN SINGKATAN**

<b>AKRONIM &amp; SINGKATAN</b>	<b>KETERANGAN</b>
BIM	<i>Building Information Modeling</i>
C3D	Civil 3D
IFC	<i>Industry Foundation Classes</i>
LOd	<i>Level of Detail</i>
MySPATA	Sistem Pengurusan Aset Tak Alih
PBP	<i>Project Base Point</i>
PP	Pegawai Pengguna
PPPB	Pelan Pelaksanaan Projek BIM
SPB	Sistem Pengurusan Bersepadu

## FORMAT TEKS

JENIS TEKS	CONTOH	KETERANGAN
<i>Normal Italic</i>	<i>BIM Modeler</i> <i>One Off</i> <i>Folder</i>	Perkataan Bahasa Inggeris yang tidak diterjemahkan ke Bahasa Melayu
<b><i>Bold Italic</i></b>	<b><i>Drafting View</i></b> <b><i>Walkthrough</i></b> <b><i>Schedule</i></b>	Terma perisian yang digunakan dalam dokumen ini
<b>Bold</b>	<b>Lampiran A</b> <b>Bab 1 : Konvensyen Penamaan</b>	Rujukan Lampiran, Bab dan Dokumen yang terdapat di dalam dokumen ini

## DAFTAR ISTILAH

<b>ISTILAH</b>	<b>KETERANGAN</b>
<i>BIM Modeler</i>	Pegawai yang berperanan dan bertanggungjawab menyedia, mengemaskini dan/atau mengaplikasikan model di fasa tertentu sepanjang kitar hayat projek.
<i>Building Information Model</i>	Model digital berparametrik yang boleh dipersembahkan secara tiga dimensi (3D). Model ini mengandungi pelbagai maklumat geometri dan bukan geometri yang digunakan bagi tujuan analisis melalui beberapa perisian berkaitan.
<i>Building Information Modeling</i>	Teknologi pemodelan yang melibatkan proses penyediaan dan penggunaan model digital 3D berparametrik yang mengandungi informasi bagi meningkatkan sistem penyampaian di sepanjang kitar hayat pelaksanaan projek.
<i>Clash Analysis</i>	Proses mengenalpasti konflik di antara komponen model dengan menjalankan kolaborasi dan koordinasi model 3D menggunakan perisian berkaitan.
<i>Family</i>	Merupakan salah satu elemen model 3D berparametrik yang mengandungi pelbagai parameter.
<i>JKR Revit Template</i>	Tetapan piawaian Revit seperti <b><i>Project Settings</i></b> , <b><i>View Templates</i></b> , <b><i>Project and Shared Parameters</i></b> , <b><i>Project View</i></b> , <b><i>Family</i></b> dan <b><i>Print Settings</i></b> yang telah disediakan oleh Unit BIM JKR. Semua projek JKR yang melibatkan aplikasi BIM hendaklah menggunakan <b><i>Template</i></b> yang telah disediakan.
Kolaborasi	Proses pertukaran, perkongsian atau pemindahan data daripada beberapa model menggunakan perisian tertentu bagi kepelbagaiannya tujuan aplikasi model.
Koordinasi	Proses penyelarasian model setiap disiplin bagi tujuan kajian semula rekabentuk, verifikasi atau validasi model.
<i>Level of Detail (LOd)</i>	Penerangan tahap keperincian komponen atau elemen <b><i>Family</i></b> dari segi rupabentuk dan attribut.

ISTILAH	KETERANGAN
<i>Level of Development (LOD)</i>	Skala pembangunan komponen atau elemen <b>Family</b> .
Model Terkoordinasi	Gabungan beberapa model setiap disiplin yang telah diselaraskan.
<b>OmniClass</b>	Sistem klasifikasi atau kod piawai yang dibangunkan dan diterima pakai di peringkat global bagi tujuan mengurus maklumat komponen bahan binaan dalam industri pembinaan.
Pelan Pelaksanaan Projek BIM (PPPB)	Rangka kerja pelaksanaan kaedah BIM dalam sesbuah projek yang akan dijadikan sebagai panduan bagi membolehkan semua pihak terlibat di dalam pelaksanaan projek dapat menggunakan dan memanfaatkan sepenuhnya teknologi BIM.
Pusat BIM	<i>Folder</i> penyimpanan sumber data yang berkaitan dengan penggunaan BIM.
<b>Revit Template</b>	Tetapan piawaian Revit yang telah dibangunkan oleh pengguna Revit dan digunakan dalam proses penyediaan model. Penggunaan <b>Template</b> ini dapat mewujudkan keseragaman selain membantu mempercepat penyediaan model.
<b>Template</b>	<i>Standardised non-executable file type</i> yang digunakan oleh perisian komputer sebagai contoh pra-format kepada fail lain, khususnya dokumen. Ia mengandungi satu set elemen yang berulang dan diwujudkan untuk menyeragamkan <b>Visibility Setting</b> di seluruh dokumen akhir.

## ISI KANDUNGAN


1	TEMPLATE .....	2
1.1	Pengenalan.....	2
1.2	<i>Project Setting</i> .....	2
1.2.1	<i>General Setting</i> .....	2
1.2.2	<i>Additional Setting</i> .....	7
1.2.3	Lain-lain Tetapan.....	12
1.3	<i>Print Setting</i> .....	15
1.4	<i>Project Views</i> .....	16
1.4.1	<i>Floor Plans</i> .....	16
1.4.2	<i>Sections</i> .....	16
1.4.3	<i>Elevations</i> .....	17
1.4.4	<i>3D Views</i> .....	17
1.4.5	<i>Drafting View</i> .....	17
1.4.6	<i>Sections View</i> .....	17
1.5	<i>View Template</i> .....	19
1.6	<i>Family</i> .....	19
1.7	<i>Revit Parameters</i> .....	19
1.8	<i>Schedule</i> .....	22
1.9	<i>Hatching dan Filled Regions</i> .....	22
1.10	<i>Project Browser</i> .....	24
1.11	<i>Filters</i> .....	25
1.12	Pengukuran ( <i>Dimensioning</i> ) .....	26
1.13	<i>Title Block</i> .....	26
1.14	<i>Symbology</i> .....	27
2	KONVENTSYEN PENAMAAN .....	29
2.1	Syarat Umum.....	29
2.2	Penamaan <i>Folder Projek</i> .....	29

2.3	Penamaan Fail <i>Template</i> .....	29
2.4	Penamaan Fail Model.....	30
2.5	Penamaan Fail Dokumen Elektronik .....	37
2.6	Penamaan <i>Worksets</i> .....	42
2.7	Penamaan Elemen <i>Revit</i> .....	43
2.7.1	<i>System Family</i> .....	43
2.7.2	<i>Component Family</i> .....	44
2.7.3	<i>Annotation</i> .....	46
2.7.4	<i>Tagging</i> .....	46
2.7.5	<i>Detail Item</i> .....	47
2.7.6	<i>Profile</i> .....	48
2.7.7	<i>Mass</i> .....	48
2.8	Penamaan <i>Project Browser</i> .....	49
2.9	Penamaan <i>View</i> .....	50
2.9.1	Disiplin Arkitek.....	50
2.9.2	Disiplin Struktur.....	52
2.9.3	Disiplin Mekanikal.....	53
2.9.4	Disiplin Elektrik.....	55
2.10	Penamaan <i>Filter</i> .....	57
2.11	Penamaan <i>Sheet View</i> .....	57
2.12	Penamaan Senarai Jadual.....	57
2.13	Penamaan <i>Parameter</i> .....	58
2.14	Penamaan <i>Revit Material</i> .....	59
3	SYARAT PEMATUHAN.....	61
3.1	Umum.....	61
3.2	Arkitek .....	71
3.3	Sivil.....	73
3.4	Struktur .....	75
3.5	Mekanikal .....	78
3.6	Elektrik .....	79

3.7	Ukur Bahan .....	81
3.8	Pasukan Penyeliaan Pembinaan .....	82

## LAMPIRAN

Lampiran A : Jadual <i>Line Style</i> .....	87
Lampiran B : Jadual <i>Keyboard Shortcut</i> .....	88
Lampiran C : Contoh <i>Project Browser</i> .....	90
Lampiran D : Contoh <i>Schedule</i> .....	95
Lampiran E : Contoh Borang Pengemaskinian Model.....	99
Bibliografi .....	100



T E M P L A T E

# 1 TEMPLATE

## 1.1 *Pengenalan*

Bab ini menerangkan ketetapan **JKR Revit Template** yang telah disediakan sebagai **Template** piawai JKR bagi kegunaan disiplin arkitek, struktur, mekanikal dan elektrik. **Template** ini mengandungi beberapa set elemen yang akan digunakan oleh **BIM Modeler**. Semasa proses penyediaan model, **Template** ini dilihat dapat membantu mempercepatkan kerja penyediaan model melalui ciri-ciri penyeragaman (*standardisation*) yang terdapat di dalam **Template**. **Template** ini boleh digunakan di dalam semua kitaran fasa projek. **Template** perisian BIM yang lain seperti C3D, Navisworks, CostX dan sebagainya tidak akan diterangkan di dalam bab ini.

## 1.2 *Project Setting*


**Project Setting** terbahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu **General Setting**, **Additional Setting** dan lain-lain tetapan.

### 1.2.1 *General Setting*

Merupakan tetapan umum yang digunakan dalam **Template** bagi setiap disiplin. Di antara tetapan yang terdapat di dalam **General Setting** adalah:

#### a) *Project Information*

Mengandungi informasi projek yang perlu dimasukkan ke dalam model sesebuah projek seperti nama projek, status, alamat dan lain-lain.




Rajah 1.1 : Contoh ***Project Information*** bagi  
***JKR Revit Template*** Arkitek

**b) *Project Parameters* dan *Shared Parameters***

***Project Parameters*** dan ***Shared Parameters*** ini akan dijelaskan dalam klausula 1.7 ***Revit Parameters***.

### c) Materials


**Materials** yang disediakan mempunyai informasi ciri-ciri dan sifat bahan binaan. **Materials** ini mengandungi informasi seperti **Properties**, kod dan spesifikasi yang akan membantu proses penjanaan kuantiti bahan binaan.




Rajah 1.2 : Contoh **Material** jkrAR\_flr-k(ls-a11) kemasan lepaan lantai skrid 20mm tebal

### d) Object Styles

**Object Styles** digunakan untuk menetapkan paparan kategori sesebuah komponen di dalam model mengikut kesesuaian **View**. Contoh **Object Styles** adalah seperti di Rajah 1.3 dan Rajah 1.4.




Rajah 1.3 : Contoh **Object Styles setting**



Rajah 1.4 : Contoh penggunaan ***Object Styles*** Perabot pada pandangan pelan lantai

### e) *Snaps*

***Snaps Setting*** disediakan bagi membantu *BIM Modeler* menyediakan model dan melukis dengan tepat. Contoh ***Snaps Setting*** adalah seperti di dalam Rajah 1.5.




Rajah 1.5 : Contoh ***Snaps Setting***

**f) Project Units**

*Project units* yang digunakan di dalam **JKR Revit Template** adalah Unit Metrik.

**g) Project Base Point**

**Project Base Point (PBP)** telah ditetapkan di dalam **JKR Revit Template** untuk setiap disiplin dan ianya terletak pada grid A/1. PBP hendaklah di ( ) dan kedudukannya tidak boleh diubah.



Rajah 1.6 : Contoh **Project Base Point**


**h) Fail dan Lokasi Template**

Nama fail bagi **JKR Revit Template** adalah seperti di dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 : Contoh nama fail **JKR Revit Template**

Disiplin	Nama Fail <b>JKR Revit Template</b>
Arkitek	2014-08-04a_jkrAR14-0 Template Arkitek.rte
Struktur	2014-08-04a_jkrST14-0 Template Struktur.rte
Mekanikal	2014-08-04a_jkrME14-0 Template Mekanikal.rte
Elektrik	2014-08-04a_jkrEL14-0 Template Elektrik.rte

Setiap *BIM Modeler* perlu memastikan lokasi fail ***JKR Revit Template*** ditetapkan di dalam ***File Location*** (+) seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.7.



Rajah 1.7 : *File Locations* untuk ***JKR Revit Template***


### 1.2.2 Additional Setting

***Additional Setting*** merupakan ***global setting*** di dalam sesebuah projek.

***Additional Setting*** digunakan di dalam penetapan ***general setting*** dan lain-lain tetapan. Antara tetapan yang terdapat di dalam ***additional setting*** adalah:

#### a) ***Fill Patterns***

***Fill Patterns*** digunakan untuk penetapan corak / pola yang ditunjukkan pada paparan ***Cut*** atau ***Projection*** di dalam sesebuah model.

Rajah 1.8 : Contoh ***Fill Patterns***

### b) ***Line Weight***

***Line Weight*** (tebal garisan) digunakan untuk mengawal paparan grafik ketebalan garisan dalam penghasilan lukisan seperti ***Model Lines***, ***Perspective Lines*** dan ***Annotation Lines***.

Terdapat enam belas (16) jenis ketebalan garisan. Setiap ketebalan garisan adalah berbeza bagi semua skala lukisan seperti di dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2 : Contoh ***Line Weights***

MODEL LINE WEIGHTS						ANNOTATION & PERSPECTIVE LINE WEIGHTS
	1 : 10	1 : 20	1 : 50	1 : 100	1 : 200	
1	0.1800 mm	0.1800 mm	0.1800 mm	0.1000 mm	0.1000 mm	0.3000 mm
2	0.2500 mm	0.2500 mm	0.2500 mm	0.1300 mm	0.1000 mm	0.5000 mm
3	0.3500 mm	0.3500 mm	0.3500 mm	0.2500 mm	0.1800 mm	0.7000 mm
4	0.7000 mm	0.5000 mm	0.5000 mm	0.3500 mm	0.2500 mm	0.9000 mm
5	1.0000 mm	0.7000 mm	0.7000 mm	0.5000 mm	0.3500 mm	1.2000 mm
6	1.4000 mm	1.0000 mm	1.0000 mm	0.7000 mm	0.5000 mm	1.6000 mm
7	2.0000 mm	1.4000 mm	1.4000 mm	1.0000 mm	0.7000 mm	2.0000 mm
8	2.8000 mm	2.0000 mm	2.0000 mm	1.4000 mm	1.0000 mm	2.5000 mm
9	4.0000 mm	2.8000 mm	2.8000 mm	2.0000 mm	1.4000 mm	3.0000 mm
10	5.0000 mm	4.0000 mm	4.0000 mm	2.8000 mm	2.0000 mm	3.5000 mm
11	6.0000 mm	5.0000 mm	5.0000 mm	4.0000 mm	2.8000 mm	4.3000 mm
12	7.0000 mm	6.0000 mm	6.0000 mm	5.0000 mm	4.0000 mm	5.0000 mm
13	8.0000 mm	7.0000 mm	7.0000 mm	6.0000 mm	5.0000 mm	6.0000 mm
14	9.0000 mm	8.0000 mm	9.0000 mm	7.0000 mm	6.0000 mm	7.0000 mm
15	9.0000 mm	9.0000 mm	9.0000 mm	8.0000 mm	7.0000 mm	8.5000 mm
16	9.0000 mm	9.0000 mm	9.0000 mm	9.0000 mm	8.0000 mm	10.0000 mm

c) ***Line Styles***

***Line Styles*** digunakan untuk mengawal paparan grafik jenis garisan setiap kategori. Setiap *BIM Modeler* perlu memastikan ***Line Styles*** yang digunakan mengikut spesifikasi disiplin masing-masing. Contoh ***Line Styles*** ditunjukkan di dalam **Lampiran A**.

d) ***Line Style Screening***


Terdapat lima (5) ***Screened Line Styles*** yang boleh digunakan dalam paparan model seperti di dalam Jadual 1.3.

Jadual 1.3 : ***Screened Line Styles***

<b>LINE STYLE</b>			
<b>NAMA</b>	<b>SAIZ PEN (KETEBALAN)</b>	<b>KOD RGB</b>	<b>WARNA RGB</b>
jkr_Black 100%	1	000-000-000	
jkr_Black 80%	3	050-050-050	
jkr_Black 60%	5	100-100-100	
jkr_Black 40%	7	150-150-150	
jkr_Black 20%	9	200-200-200	

e) ***Line Patterns***

***Line Patterns*** digunakan untuk mengawal paparan grafik corak/pola garisan setiap kategori (rujuk Rajah 1.9). Setiap *BIM Modeler* perlu memastikan ***Line Pattern*** yang digunakan bersesuaian dengan ***Line Styles*** sedia ada. Contoh ***Line Pattern*** ditunjukkan di dalam Jadual 1.5 :



Rajah 1.9 : Contoh jenis ***Line Patterns***

Jadual 1.5 : Contoh ***Line Patterns***

NAMA	PATTERNS															
	1	2	3	4	5	6	7	8	TYPE	VALUE	TYPE	VALUE	TYPE	VALUE	TYPE	VALUE
Demolished	<i>Dash</i>	3	<i>Space</i>	1.5												
Elevation Swing	<i>Dash</i>	2	<i>Space</i>	1												
Grid Line	<i>Dash</i>	12	<i>Space</i>	3	<i>Dash</i>	3	<i>Space</i>	3								
Hidden	<i>Dash</i>	4	<i>Space</i>	2												
Overhead	<i>Dash</i>	2.5	<i>Space</i>	1.5												
Window Saving	<i>Dash</i>	6	<i>Space</i>	3	<i>Dash</i>	3	<i>Space</i>	3								
jkr_Centre	<i>Dash</i>	12	<i>Space</i>	4	<i>Dash</i>	4	<i>Space</i>	4								
jkr_Dash 1.5mm	<i>Dash</i>	1.5	<i>Space</i>	1.5												
jkr_Dash 3mm	<i>Dash</i>	3	<i>Space</i>	3												
jkr_Dash 3mm Loose	<i>Dash</i>	3	<i>Space</i>	6												
jkr_Dash 9mm	<i>Dash</i>	9	<i>Space</i>	4												
jkr_Dash Dot 3mm	<i>Dash</i>	3	<i>Space</i>	2	<i>Dot</i>		<i>Space</i>	2								
jkr_Dash Dot 6mm	<i>Dash</i>	6	<i>Space</i>	4	<i>Dot</i>		<i>Space</i>	4								
jkr_Dash Dot Dot 6mm	<i>Dash</i>	6	<i>Space</i>	4	<i>Dot</i>		<i>Space</i>	4	<i>Dot</i>		<i>Space</i>	4				
jkr_Dot 4mm	<i>Dot</i>		<i>Space</i>	4												
jkr_Dot 1mm	<i>Dot</i>		<i>Space</i>	1												
jkr_Dot 2mm	<i>Dot</i>		<i>Space</i>	2												
jkr_Double Dash	<i>Dash</i>	15	<i>Space</i>	4	<i>Dash</i>	6	<i>Space</i>	4	<i>Dash</i>	6	<i>Space</i>	4				
jkr_Hidden 2mm	<i>Dash</i>	2	<i>Space</i>	1												
jkr_Triple Dash	<i>Dash</i>	15	<i>Space</i>	4	<i>Dash</i>	6	<i>Space</i>	4	<i>Dash</i>	6	<i>Space</i>	4	<i>Dash</i>	6	<i>Space</i>	4

### f) *Halftone / Underlay Settings*


Di dalam ***JKR Revit Template***, ***Halftone*** ditetapkan kepada 50%. Walau bagaimanapun ***BIM Modeler*** boleh mengubah tetapan ini mengikut keperluan dan kesesuaian model yang dihasilkan.

#### 1.2.3 Lain-lain Tetapan

Lain-lain tetapan merupakan tetapan sokongan (*supporting setting*) selain daripada *General Setting* dan *Additional Setting*. Di antara tetapan sokongan yang terdapat di dalam Revit adalah :

##### a) *Structural Settings*


Tetapan bagi disiplin struktur hanya dibincangkan secara asas sahaja di dalam dokumen ini seperti tetapan ***Analytical Model Settings*** yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.10.



Rajah 1.10 : Contoh ***Analytical Model Settings***

### b) *Mechanical Settings*


Tetapan bagi disiplin mekanikal hanya dibincangkan secara asas sahaja di dalam dokumen ini seperti tetapan **Pipe Settings** yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.11.



Rajah 1.11 : Contoh **Pipe Settings**

### c) *Electrical Settings*

Tetapan bagi disiplin elektrikal hanya dibincangkan secara asas sahaja di dalam dokumen ini seperti tetapan **Cable Tray Settings** yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.12.



Rajah 1.12 : Contoh **Cable Tray Settings**

**d) *Energy Settings***

Fail model *Revit* hendaklah dieksport ke dalam fail format gbXML bagi tujuan pemindahan data ke perisian analisis kecekapan tenaga (***Energy Analysis***). Model tersebut hendaklah mempunyai informasi lengkap yang diperlukan oleh perisian ***Energy Setting*** seperti perisian IES-VE, GBS dan lain-lain.

**e) *Keyboard Shortcuts (KS)***

***Keyboard Shortcuts*** boleh digunakan sebagai pemudahcara ketika menyediakan model selain menggunakan *icon* yang terdapat pada ***Ribbon*** atau ***Menu Bar***. ***Keyboard Shortcuts*** ditunjukkan di dalam **Lampiran B**.

**f) *Annotation***

***Annotation*** hendaklah menggunakan *text style Arial* dan *font style ARIAL.ttf*. ***Parametric Annotations*** seperti ***Tags*** dan ***Keynotes*** hendaklah digunakan bagi melabel komponen di dalam model.

**g) *Text Assignment***


Ketinggian teks dan ketebalan garisan hendaklah bersesuaian dengan saiz dan skala lukisan seperti di dalam Jadual 1.7.

Jadual 1.7 : Contoh ***Text Assignment***

Ketinggian Teks (mm)	Ketebalan Garisan	Kegunaan
2.0	2	Teks umum, ukuran, nota Digunakan untuk lukisan bersaiz A3 dan A4
2.5	3	Teks umum, ukuran, nota
3.5	4	<i>Sub-headings</i>
3.5	5	Teks umum, ukuran, nota Digunakan untuk lukisan bersaiz A0
5.0	7	Tajuk biasa, nombor lukisan
7.0	8	Tajuk besar Digunakan untuk lukisan bersaiz A3 dan A4

### h) Phasing


Tetapan **Phasing** boleh digunakan bagi projek ubahsuai dan naiktaraf bangunan sedia ada. **Phase Status** seperti *Existing*, *Demolished*, *New* dan *Temporary* dapat menunjukkan perbezaan status fasa projek melalui paparan grafik di dalam ruang model yang terlibat dalam kerja ubahsuai dan naiktaraf. Rajah 1.13 menunjukkan contoh aplikasi tetapan **Phasing**.



Rajah 1.13 : Contoh **Phasing Graphic Overrides**

### 1.3 Print Setting


**Print Setting** digunakan bagi pengurusan percetakan fail dokumen lukisan elektronik. **Print Setting** membolehkan cetakan dibuat secara berkelompok (**Multiple Views**) sepetimana contoh di dalam Rajah 1.14.



Rajah 1.14 : **View/Sheet set**

## 1.4 Project Views

**Project Views** menunjukkan *view element* yang terdapat di dalam **Project Browser** seperti elemen **Plan, Section, Elevation, 3D View** dan **Drafting Views**. Contoh **Project Browser** bagi setiap disiplin adalah seperti mana **Lampiran C**.



Rajah 1.15 : Contoh **Project Views**

### 1.4.1 Floor Plans

Pandangan pelan sedia ada yang terdapat di dalam **Project View** terdiri daripada **Floor Plan, Structural Plan, Reflected Ceiling Plan** dan **Plan Region / Area Plan**. Ianya dibahagikan mengikut keperluan tertentu seperti Tender, Pembinaan, Konsep, Persemaahan dan kelulusan Bomba. Oleh yang demikian lukisan pandangan pelan yang dihasilkan haruslah mengikut **View** yang telah ditetapkan. Pandangan pelan yang baru boleh diwujudkan bagi memenuhi keperluan lukisan dan kehendak projek.

### 1.4.2 Sections

Keratan rentas yang bersesuaian hendaklah dihasilkan dengan menggunakan **Section Family** yang sesuai mengikut disiplin serta keperluan tertentu seperti lukisan tender, permohonan kelulusan bomba dan sebagainya.

#### 1.4.3 *Elevations*

Pandangan ***Elevation*** dan ***Framing Elevation (Interior)*** yang bersesuaian hendaklah dihasilkan dengan menggunakan ***Elevation Family*** yang telah disediakan. Pandangan luaran dan dalaman yang bersesuaian dihasilkan mengikut keperluan tertentu seperti penghasilan lukisan tender, permohonan kelulusan bomba dan sebagainya.

#### 1.4.4 *3D Views*



Pandangan ***Orthographic 3D Model*** dapat dilihat dari pelbagai orientasi. Pandangan 3D yang baru boleh diwujudkan bagi memenuhi keperluan lukisan dan kehendak projek.

#### 1.4.5 *Drafting View*

***Drafting View*** adalah *view* yang digunakan untuk menghasilkan lukisan perincian 2D. Lukisan ini tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan model yang dibentuk. Lukisan boleh dihasilkan dengan menggunakan 2D *detailing tools* seperti ***Detail Line, Detail Regions, Detail Components, Insulation, Reference Planes, Dimensions, Symbols*** dan ***Text***.

#### 1.4.6 *Sections View*

Semua keratan akan dilabel secara automatik apabila *view* tersebut dimasukkan dalam ***Sheet***. Semakan silang dapat dijalankan ke atas keratan dan butiran terperinci sepertimana yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.16 dan Rajah 1.17.

Rajah 1.16 : Contoh **Section Marks**

Rajah 1.17 : Contoh Semakan Silang

### 1.5 ***View Template***

***View Template*** digunakan untuk menyeragamkan ***Project Views***. ***View Template*** yang ditetapkan hendaklah bersesuaian dengan keperluan paparan grafik lukisan. Selain itu, *BIM Modeler* perlu memastikan keselarasan di antara ***View Template*** dan tetapan ***Visibility / Graphic Override*** mengikut disiplin masing-masing.

Terdapat beberapa ***View Template*** yang telah disediakan bersesuaian dengan *view* yang digunakan. Pengguna hendaklah memilih ***View Template*** yang sesuai apabila menyediakan *View* yang baru.

### 1.6 ***Family***

***Family*** terbahagi kepada ***Element*** dan ***Category*** sepetimana yang telah diterangkan di dalam dokumen **Garis Panduan BIM JKR**. *BIM Modeler* boleh membina atau mengubahsuai ***Family*** masing-masing mengikut kesesuaian dan keperluan projek. *BIM Modeler* juga perlu mengemaskini ***Family*** dengan kaedah *Duplicate* dan *rename Object Type* tersebut dan seterusnya mengubah ***Parameter Family*** tersebut sepetimana yang dikehendaki. Walau bagaimanapun komponen tersebut haruslah dibina berpandukan kepada piawaian BIM JKR.

### 1.7 ***Revit Parameters***

*Revit* menggunakan ***Parameter*** untuk menyediakan maklumat di dalam model. Terdapat empat (4) jenis ***Parameter*** yang digunakan di dalam projek iaitu:

- i. ***Project Parameter – Parameter*** tambahan yang digunakan pada ***Family, Schedule, Sorting*** dan ***Filtering*** untuk projek berkenaan sahaja. Ia tidak boleh digunakan pada ***Tagging***.
- ii. ***Shared Parameter – Parameter*** tambahan yang digunakan pada ***Family, Schedule, Sorting*** dan ***Filtering***. Ia boleh digunakan bagi tujuan ***Tagging***, digunakan pada beberapa projek dan dieksport ke format ODBC.
- iii. ***Family Parameter*** – hanya digunakan pada ***Family*** berkenaan sahaja. Ia tidak boleh dikeluarkan pada ***Schedule*** dan ***Tag***.
- iv. ***System Parameter – Parameter*** sedia ada di dalam perisian *Revit*.

Setiap **Parameter** di atas ini terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu **Instance** dan **Type**. **Type Parameter** digunakan untuk mengawal maklumat **Parameter** setiap komponen **Type** yang sama di dalam projek. Manakala **Instance Parameter** berfungsi untuk mengawal maklumat komponen yang dipilih di dalam model.


**JKR Revit Template** mengandungi **Parameter** untuk projek dan komponen yang mempunyai maklumat projek dan rekod senggara seperti berikut:

a) **Parameter Project Information**


Mengandungi maklumat seperti tajuk projek, alamat projek dan pelbagai maklumat umum projek.

b) **Parameter Maklumat Rekod Senggara**

Mengandungi maklumat berkaitan keperluan rekod senggara yang diletakkan di bawah data **Group Parameter**. Kod objek bagi **OmniClass Numbers** (Jadual 23, 2012) digunakan untuk rekod penyenggaraan **Component Family**. Manakala kod objek bagi Kod\_SKATA\_jkr\_st atau **Assembly** digunakan untuk rekod senggara bagi **System Family**. Contoh **Parameter** untuk maklumat rekod penyenggaraan ditunjukkan di dalam Rajah 1.18 & 1.19.




Rajah 1.18 : ***OmniClass Number*** digunakan sebagai kod objek bagi ***Component Family***



Rajah 1.19 : Kod\_SKATA\_jkr\_st digunakan sebagai kod objek bagi ***System Family***

### c) Parameter Data Komponen

**Parameter** data komponen diletakkan di bawah group **Parameter Text**. Sebagai contoh, `kod_komponen_jkr_st` digunakan sebagai **parameter** komponen seperimana yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.20.




Rajah 1.20 : Kod\_komponen\_jkr\_st digunakan sebagai kod objek bagi **Component Family**

### 1.8 Schedule

**Schedule** merupakan jadual yang mengandungi beberapa parameter dan disusun mengikut format yang telah disediakan di dalam fail **Template**. Contoh jadual yang terdapat di dalam **Template** setiap disiplin ditunjukkan di dalam **Lampiran D**.

### 1.9 Hatching and Filled Regions

**Default Fill Patterns** yang terdapat di dalam **Template** sedia ada boleh digunakan semasa menghasilkan model dan lukisan kerja (*drafting*). Contoh **default Fill Patterns** adalah seperti di dalam Rajah 1.21.

Rajah 1.21 : Default **Fill Patterns**

*BIM Modeler* hendaklah membangunkan **Fill Patterns** baru sekiranya **Fill Patterns** yang diperlukan tidak terdapat di dalam *default Fill Patterns*.

**Hatch Patterns** hendaklah dihasilkan mengikut jenis bahan yang sesuai bagi setiap elemen. Contoh **Screen Fill Regions** dan **Line Patterns** ditunjukkan di dalam Jadual 1.8 dan Jadual 1.9.

Jadual 1.8 : Contoh **Screened Fill Regions**

SCREENING		
FILLED REGION NAME	RGB VALUE	RGB COLOR
jkr_Solid Black 100%	000-000-000	[Solid Black]
jkr_Solid Black 80%	050-050-050	[Dark Gray]
jkr_Solid Black 60%	100-100-100	[Medium Gray]
jkr_Solid Black 40%	150-150-150	[Light Gray]
jkr_Solid Black 20%	200-200-200	[White]

Jadual 1.9 : Contoh ***Line Patterns*** Yang Diimport Daripada AutoCAD

LINE PATTERNS		
jkr_ANSI31	jkr_Brick-02	jkr_Gravel
jkr_ANSI32	jkr_Brick-03	jkr_Hexagons
jkr_ANSI33	jkr_Brick-04	jkr_Honey
jkr_ANSI34	jkr_Clay	jkr_Hound
jkr_ANSI35	jkr_Cork	jkr_Mudst
jkr_ANSI36	jkr_Cross	jkr_Parquet-01
jkr_ANSI37	jkr_Dash	jkr_Parquet-02
jkr_ANSI38	jkr_Dolmit	jkr_Sacner
jkr_Brass	jkr_Dots	jkr_Siding
jkr_Brick-01	jkr_Grate	jkr_Trans


### 1.10 ***Project Browser***

***Project Browser*** mengandungi elemen ***Views, Legend, Schedule / Quantities, Sheets*** dan ***Family*** yang boleh disusun dan dinamakan mengikur keperluan disiplin masing-masing. Bagi memudahkan proses penyediaan model, ***Template Project Browser*** telah disediakan di dalam ***JKR Revit Template*** untuk kegunaan setiap disiplin. ***Template*** elemen ***Views*** dan ***Sheets*** di dalam ***Project Browser*** digunakan untuk:

- Menunjukkan pelbagai paparan atau visualisasi model pada setiap fasa projek (Rekabentuk Konsep, Rekabentuk Awalan, Rekabentuk Terperinci, Tender, Pembinaan, Siap Bina dan Pengurusan Fasiliti).
- Mewujudkan paparan atau visualisasi model yang diperlukan bagi tujuan Permohonan kelulusan Bomba, JPBD dan PBT.

Pemilihan ***Views*** dan ***Sheets*** yang ingin dipaparkan boleh ditetapkan di dalam ***Browser Organisation***. Contoh ***Project Browser*** yang telah disediakan di dalam ***JKR Revit Template*** adalah seperti di Rajah 1.22.


***Template*** ini boleh diubahsuai mengikut keperluan projek atau keperluan tambahan dari semasa ke semasa.



Rajah 1.22 : Default **Project Browser** dan **Browser Organisation**

### 1.11 Filters

**Filters** yang terdapat di dalam **Visibility/Graphic Overrides** berfungsi untuk menyaring dan menetapkan paparan komponen tertentu bagi setiap **Views**. Sebagai contoh **Patterns** dan **Lines** berwarna merah menunjukkan semua komponen keperluan Bomba di dalam model dan ia dapat dilihat dalam paparan **Views** yang diperlukan bagi tujuan permohonan kelulusan Bomba seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.23.

Rajah 1.23 : Contoh **Filters** (Arkitek)

Fungsi kawalan paparan (**Hide** atau **Unhide**) sesuatu objek juga terdapat di dalam **Visibility check box**.


### 1.12 Pengukuran (*Dimensioning*)

Default **Dimension** yang terdapat di dalam **Template** sedia ada hendaklah digunakan semasa penyediaan model dan lukisan kerja (*drafting*). **Dimension Styles** hendaklah disesuaikan dengan keperluan setiap disiplin. Semua ukuran hendaklah menggunakan skala sedia ada yang terdapat dalam perisian. Ukuran teks tidak boleh diubahsuai (**Explode** atau **Override**).

### 1.13 Title Block


**Title Block** bagi kegunaan lukisan bersaiz A0, A1, A2, A3 & A4 boleh didapati daripada Pusat BIM. Selain itu **Title Block** juga disediakan dalam beberapa format berbeza mengikut keperluan tender dan permohonan kelulusan lukisan.

Tarikh dan masa pada penjuru **Title Block** dijadikan asas semakan dalam memastikan fail lukisan elektronik dan lukisan yang dicetak berasal dari sumber fail yang sama. Fail lukisan elektronik yang hendak dicetak hendaklah dalam format dwfx atau pdf.

Rajah 1.24 :Contoh **Title Block** Piawai JKR

### 1.14 **Symbology**

Simbol piawai seperti petunjuk utara (**North Point**), **Section Marks**, simbol pintu dan sebagainya terdapat di dalam setiap **Template** bagi semua disiplin sepertimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1.25.



Rajah 1.25 : Contoh Simbol Piawai

<Kategori Projek>\_<Kod Projek>\_<Nama Projek> BMkk5a\_14-001\_KK5 Maran  
krAR14-0\_Template Arkitektur  
krST14-0\_Template Struktur.rte  
krME14-0\_Template Mekanikal  
krEL14-0\_Template Elektrik.rte

<Tarikh & Semakan Kemajuan>\_ jkr< Disiplin, Versi Fail Projek - Fasa Projek>\_ (<Kategori bangunan>\_<Kod Projek>)\_<Zon / Blok Bangunan / Tapak>\_<Jenis Model>.<Format Fail>  
2014-07-03a\_jkrAR14-3p\_(BAqab1\_14-0 0 1 ) \_ A 1 x - 0 1 . d w f x  
<Tarikh penerimaan>\_jkr<Versi Fail Projek, Disiplin & Fasa Projek>  
s p a c e < D e s k r i p s i >  
2014-07-03a\_jkrJT14-1 Survey drawing.dwg  
jkr<Disiplin>\_<Lokasi / Deskripsi / Elemen / Link File>  
jkrAR\_Aras Satu  
jkr<Disiplin>\_<Families categories>\_<(Kod Komponen)>-  
< L O d > s p a c e < D e s k r i p s i >  
jkrAR\_wll\_(DGa01)-3 115mm Dinding Bata  
<Versi Fail Projek & Disiplin>\_< Families categories >\_<(Kod Komponen)>-<LOd & host>space<Deskripsi>

# KONVENSYEN PENAMAAN

jkrAR14\_lit-fx\_(LPa01)-3sc Lampu Kalimantan  
jkr<Disiplin & Versi Fail Projek>\_<Families categories>\_<bahan>\_<bentuk>-<LOd & host>space<Deskripsi>  
j k r S T 1 4 s c l p c \_ r e c - 3  
<Versi Fail Projek, Disiplin & a>\_<Kod Families>\_<(Indeks)>-<LOd & host>space<Deskripsi>  
j k r A R 1 4 a \_ s e c \_ ( 0 2 ) A r r o w  
jkr<Disiplin, Versi Fail Projek & d>\_<Kod Families>\_<(Indeks)>-<LOd & host>space<Deskripsi>  
jkrAR14t\_wll\_(02) Kod Komponen  
jkr<Disiplin, Versi Fail Projek & d>\_<Kod Families>\_<(Indeks)>-<LOd & host>space<Deskripsi>  
v i e w > s p a c e < D e s k r i p s i >  
jkrAR14d\_gen\_(01)-3x Perincian Longkang  
<Versi Fail Projek, Disiplin & p>\_<Kod Families>\_<(Indeks)>-<LOd & host>space<Deskripsi>  
v i e w > s p a c e < D e s k r i p s i >  
jkrAR14p\_gen\_(01)-3z Longkang  
<Versi Fail Projek, Disiplin & m>\_<Kod Families>\_<(Indeks)>-<LOd & host>space<Deskripsi>  
v i e w > s p a c e < D e s k r i p s i >  
<Kategori Projek>\_<Kod Projek>\_<Nama Projek> BMkk5a\_14-001\_KK5 Maran

## 2 KONVENTSYEN PENAMAAN

### 2.1 *Syarat Umum*

Seksyen ini menerangkan kaedah penamaan data dalam sistem fail projek. Penamaan data hendaklah menggunakan huruf besar A hingga Z (kecuali huruf O dan I), huruf kecil a hingga z (kecuali huruf o dan l), nombor 0-9 dan *dash* "-", *underscore* "\_", serta *bracket* "(" ")" sahaja untuk semua fail.

Semua medan hendaklah dipisahkan oleh aksara *underscore* "\_" atau *dash* "-" sahaja. Contoh: xxx\_yyy atau xxx-yyy. Manakala ruang (*space*) digunakan untuk memisahkan perkataan dalam penerangan. Contoh: Pintu rata.

Aksara noktah "." hendaklah digunakan di antara nama fail dan format fail. Contoh: xxx.rvt. Format fail (*extension*) tidak boleh dipinda atau dihapuskan.

### 2.2 *Penamaan Folder Projek*

*Folder* projek dinamakan seperti berikut :

**<Kategori Projek>\_<Kod Projek>\_<Nama Projek>**

Contoh penamaan *folder* projek adalah seperti **BMkk5a\_14-001\_KK5 Maran**. Kategori dan kod projek dikeluarkan oleh Cawangan Arkitek. Nama projek hendaklah diringkaskan dan mudah difahami.


### 2.3 *Penamaan Fail Template*

Seperti yang diterangkan di dalam **Bab 1 : Template**, dokumen ini hanya menerangkan *Template* bagi perisian Revit sahaja. Penamaan fail *Template* adalah seperti berikut :

- a) *Template Revit Architecture* : jkrAR14-0\_Template Arkitek.rte
- b) *Template Revit Structure* : jkrST14-0\_Template Struktur.rte
- c) *Template Revit Mechanical* : jkrME14-0\_Template Mekanikal.rte
- d) *Template Revit Electrical* : jkrEL14-0\_Template Elektrik.rte

## 2.4 Penamaan Fail Model

Format fail model yang terlibat ialah fail Revit (rvt), fail C3D (dwg), fail Navisworks (nwf), fail CostX (exf), fail Orion (cxl), fail AutoCAD (dwg), fail SketchUp (skp), fail Vasari (rvt) dan sebagainya. Contoh Fail model Revit hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:



Rajah 2.1: Contoh penamaan fail model

Kaedah penamaan fail model ialah seperti di bawah :

<Tarikh & Semakan Kemajuan>\_<Kod Disiplin & Versi Perisian & Fasa Projek>\_  
(<Kategori bangunan>\_<Kod Projek>)\_<Zon/Blok Bangunan/Tapak>\_  
<Jenis Model>\_<Jenis Fail>.<Format Fail>

### Medan 1:

Tarikh Verifikasi atau Arahan Pindaan Rekabentuk yang Dilaksanakan

Penamaan	Contoh kod
Tahun (YYYY)	2014, 2020 dan sebagainya
Bulan (MM)	01, 10, 12 dan sebagainya
Tanggal (DD)	01,16,23 dan sebagainya
Semakan kemajuan (satu abjad kecil)	a, b, c dan sebagainya

Contoh: 2014-01-20a

**Medan 2:**Disiplin, Versi Perisian dan Fasa Projek

<b>Penamaan</b>	<b>Contoh kod</b>
Kod Disiplin (jkr dan disiplin)	jkrAR – Arkitek, jkrST – Struktur, jkrEL – Elektrik, jkrME – Mekanikal dan sebagainya
Versi perisian (dua digit nombor)	13,14, 15 dan sebagainya
Fasa projek/Peringkat/Status Model/LOD (satu digit nombor)	Rekabentuk konsep – 1, Rekabentuk awalan – 2, Rekabentuk terperinci – 3, Tender – 4, Addendum – 5, Pembinaan – 6, Siap Bina – 7 dan Penyenggaraan - 8

Contoh: **jkrAR14-1****Medan 3:**Kategori Bangunan

<b>Penamaan</b>	<b>Contoh kod</b>
Kategori aset berdasarkan MS1759:2004 (dua abjad besar)	BA – Kediaman, BB – Komersial, BC – Industri, BD – Keinstitusian, BE – Pendidikan, BF – Bangunan Keagamaan, BG – Rekreasi, BH – Perkuburan, BJ – Infrastruktur, BM – Kesihatan dan BS – Keselamatan.
Kategori bangunan (dua abjad kecil)	kk – Klinik Kesihatan, hp – Hospital qa–Kuarters Kelas A, pj - Pejabat, pp - Perpustakaan, sr - Sekolah Rendah, mj – Masjid, bp – Balai Polis dan sebagainya
Jenis (satu digit nombor dan satu abjad kecil atau sebaliknya)	1a, 3b, 5a, a1, b3, a5 dan sebagainya

Contoh: **BMkk5a**

**Medan 4:**Kod Projek

<b>Penamaan</b>	<b>Contoh kod</b>
Tahun (dua digit nombor)	13, 14, 20 dan sebagainya
Indeks pendaftaran projek <i>one off</i> (tiga digit nombor) ATAU projek piawai (satu abjad kecil 'p' dan dua digit nombor) mengikut turutan pendaftaran	001, 021, 111 dan sebagainya ATAU p01, p12 dan sebagainya

Contoh: **13-001 ATAU 14-p01**

**Medan 5:**Zon/Blok bangunan/Tapak

<b>Penamaan</b>	<b>Contoh kod</b>
Kod zon / blok (dua aksara)	A1 – Blok pentadbiran, B2 – Kantine, C1 - Zon Asrama dan sebagainya

Contoh: **A1**

- \*\* Pembahagian atau pecahan zon/blok bangunan kepada beberapa bahagian atau kawasan hendaklah dipersetujui pada peringkat awal sepertimana yang dinyatakan di dalam dokumen PPPB dan petunjuk lukisan/model.

**Medan 6:**Jenis Model

<b>Penamaan</b>	<b>Contoh kod</b>
Model/sub model (empat aksara)	W-01 – Keseluruhan model, TG01 – Tangga, X-30 – Aras 30 dan sebagainya

Contoh: **W-01**

- \*\* Pembahagian atau pecahan model kepada beberapa sub model hendaklah dipersetujui pada peringkat awal sepertimana yang dinyatakan di dalam dokumen PPPB dan petunjuk lukisan/model.
- \*\* Pembahagian atau pecahan model kepada beberapa sub model seperti sistem, elemen atau aras bangunan bagi memudahkan penyusunan elemen/sistem yang

boleh digunakan secara berulang, pengagihan tugas dan mengurangkan kapasiti saiz fail. Fail-fail ini akan digabungkan untuk melengkapkan model bangunan.


\*\* Contoh sub model adalah seperti *Cold Water and Sanitary Plumbing, ELV, LV*, tandas, tangga, *lift core*, aras *basement*, aras tingkat 30 dan sistem kumbahan.


### Medan 7:

#### Jenis Fail

Jenis fail boleh dibahagikan sepetimana yang ditunjukkan di dalam Jadual 2.1:


Jadual 2.1 : Penerangan Terperinci Jenis Fail

Jenis fail	Simbol	Keterangan
<b>Central</b>	(C)	<p>Fail induk projek yang terhasil apabila <b>Worksets</b> diaktifkan. Fail ini ditempatkan di dalam <i>network storage</i> dan boleh diakses melalui <b>Worksets</b> oleh beberapa <i>BIM Modeler</i> dalam satu masa. Fail ini <b>tidak boleh</b> dibuka secara terus daripada <i>network storage</i>.</p> 

<b>Local</b>	(L)	Fail induk projek yang dibuka dan perlu ditanda pilihan <b>create new Local</b> . Fail ini digunakan oleh <i>BIM Modeler</i> dalam proses penyediaan model. <i>Username</i> secara automatik akan ditambah di penghujung nama fail.
		
<b>Link</b>	(K)	Fail model yang diasangkan kepada beberapa submodel bagi tujuan memudahkan penyediaan model. Fail submodel ini boleh digabungkan semula bagi melengkapkan model utama.
<b>Stand-alone/ Detached</b>	(S)	Fail model yang dihasilkan pada peringkat awal dan tidak berkaitan dengan penggunaan <b>Worksets</b> ATAU fail <b>Local</b> yang telah diasangkan dari fail <b>Detach from Central</b> .

**Medan 8 (untuk fail Navisworks sahaja):**

Fail model Navisworks hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:



Rajah 2.2 : Contoh penamaan fail perisian Navisworks

Kaedah penamaan fail perisian Navisworks adalah seperti di bawah :

<Tarikh & Semakan Kemajuan>\_<Kod Disiplin & Versi Perisian & Fasa Projek>\_<Kategori bangunan>\_<Kod Projek>\_<Zon / Blok Bangunan / Tapak>\_<Jenis Model>\_(<Jenis Fail>)\_(<Proses Kerja>).<Format Fail>

#### Proses Kerja serta tarikh melaksana

Penamaan	Contoh Kod
Kod proses kerja (dua aksara)	CA – Clash Analysis. RV – 3D Model Review, VS – Visualisation, SM – 4D Simulation dan CE – Cost Estimation
Tarikh pelaksanaan (YYYY-MM-DD)	2014-02-14, 2014-12-11, 2013-11-03 dan sebagainya
Bilangan semakan (satu abjad kecil)	a, b ,c dan sebagainya

Contoh: CA\_2014-12-11b

Jadual 2.2 : Contoh penamaan fail perisian Revit

<b>Nama Model</b>	
2014-07-03a_jkrAR14-3_(BMkk5a_14-001)_A1_W-01_(S).rvt	
<b>Keterangan</b>	
2014-07-03a	Tarikh verifikasi rekabentuk 3/7/2014 dan status kemajuan pertama
jkrAR14-3	Model yang disediakan oleh arkitek menggunakan perisian Revit Versi 2014 pada fasa rekabentuk terperinci
(BMkk5a	Kategori kesihatan untuk klinik kesihatan 5 jenis A
14-001)	Projek pertama yang didaftarkan dalam tahun 2014
A1	Blok klinik kesihatan
W-01	Keseluruhan model
(S)	Fail <b>Standalone</b>
rvt	Format fail Revit

Jadual 2.3 : Contoh penamaan fail perisian C3D

<b>Nama Model</b>	
2014-07-03a_jkrKA14-3_(BMkk5a_14-001)_XT_EW-01_(S).dwg	
<b>Keterangan</b>	
2014-07-03a	Tarikh verifikasi rekabentuk 3/7/2014 dan status kemajuan pertama
jkrKA14-3	Model yang disediakan oleh perekabentuk jurutera awam menggunakan perisian C3D Versi 2014 pada fasa rekabentuk terperinci
(BMkk5a	Kategori kesihatan untuk klinik kesihatan 5 jenis A
14-001)	Projek pertama yang didaftarkan dalam tahun 2014
XT	Pelan Tapak
EW-01	Model Kerja Tanah
(S)	Fail <b>Standalone</b>
dwg	Format fail C3D


Jadual 2.4 : Contoh penamaan fail perisian Navisworks

<b>Nama Model</b>	
2014-07-03a_jkrPP14-3_(BMkk5a_14-001)_A1_W-01_(S)_(CA_2014-07-16a).nwf	
<b>Keterangan</b>	
2014-07-03a	Tarikh validasi rekabentuk 3/7/2014 dan status kemajuan pertama
jkrPP14-3	Model yang disediakan oleh pengurus projek menggunakan perisian Navisworks Versi 2014 pada fasa rekabentuk terperinci
(BMkk5a	Kategori kesihatan untuk klinik kesihatan 5 jenis A
14-001)	Projek pertama yang didaftarkan dalam tahun 2014
A1	Blok klinik kesihatan
W-01	Keseluruhan model
S	Fail <b>Standalone</b>
(CA	Proses kerja utama ialah <i>Clash Analysis</i>
2014-07-16a)	Tarikh perlaksanaan proses ialah 16/7/2014 dan bilangan perlaksanaan ialah kali pertama
nwf	Format fail Navisworks

## 2.5 Penamaan Fail Dokumen Elektronik

Fail dokumen elektronik terbahagi kepada dua kategori iaitu:

- a) Fail lukisan elektronik yang dijana daripada model rekabentuk /pembinaan melalui perisian Revit. Contoh format fail yang terlibat ialah seperti fail AutoCAD (dwg) dan fail **Design Review** (dwfx) dan pdf. Fail ini hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:



Rajah 2.3 : Contoh penamaan fail dokumen elektronik

Kaedah penamaan fail lukisan elektronik adalah seperti di bawah :

<Kod Disiplin & Versi Perisian & Fasa Projek & Penggunaan Dokumen>\_  
(<Kategori Bangunan>\_<Kod Projek>)\_<Zon / Blok Bangunan / Tapak>\_  
<Jenis Lukisan>\_(<Tarikh & Semakan Kemajuan>).<Format Fail>

#### Medan 1:

Kod Disiplin, Versi Perisian, Fasa Projek dan penggunaan dokumen bagi tujuan kelulusan.

Penamaan	Contoh kod
*Kod Disiplin (jkr dan disiplin)	jkrAR – Arkitek, jkrST – Struktur, jkrEL – Elektrik, jkrME – Mekanikal dan sebagainya
*Versi perisian (dua digit nombor)	13,14, 15 dan sebagainya
*Fasa projek (satu digit nombor)	Rekabentuk konsep – 1, Rekabentuk awalan – 2, Rekabentuk terperinci – 3, Tender – 4, Addendum – 5, Pembinaan – 6, Siap bina – 7 dan Senggaraan - 8
Penggunaan dokumen bagi tujuan kelulusan	b –pihak bomba p –pihak berkuasa tempatan

Contoh: **jkrAR14-3b**

\* Perlu sama dengan fail model

**Medan 2:**Kategori Bangunan

Penamaan	Contoh kod
*Kategori aset berdasarkan MS1759:2004 (dua abjad besar)	BA – Kediaman, BB – Komersial, BC – Industri, BD – Keinstitusian, BE – Pendidikan, BF – Bangunan Keagamaan, BG – Rekreasi, BH – Perkuburan, BJ – Infrastruktur, BM – Kesihatan dan BS – Keselamatan.
*Kategori bangunan (dua abjad kecil)	kk – Klinik Kesihatan, hp – Hospital qa – Kuarters Kelas A, pj – Pejabat, pp – Perpustakaan, sr – Sekolah Rendah, mj – Masjid, bp – Balai Polis dan sebagainya
* Jenis (satu digit nombor dan satu abjad kecil atau sebaliknya)	1a, 3b, 5a, a1, b3, a5 dan sebagainya

Contoh: **BMkk5a**

\* Perlu sama dengan fail model

**Medan 3:**Kod Projek

Penamaan	Contoh Kod
*Tahun (dua digit nombor)	13, 14, 20 dan sebagainya
*Indeks pendaftaran projek <i>one off</i> (tiga digit nombor) ATAU projek piawai (satu abjad kecil 'p' dan dua digit nombor) mengikut turutan pendaftaran	001, 021, 111 dan sebagainya ATAU p01, p12 dan sebagainya

Contoh: **13-001 ATAU 14-p01**

\* Perlu sama dengan fail model

**Medan 4:**Zon/Blok bangunan/Tapak

Penamaan	Contoh Kod
*Kod zon / blok (dua aksara)	A1 – Blok pentadbiran, B2 – Katin, C1 - Zon Asrama dan sebagainya

Contoh: **A1**

\* Perlu sama dengan fail model

Pembahagian atau pecahan zon/blok bangunan kepada beberapa bahagian atau kawasan hendaklah dipersetujui pada peringkat awal sepertimana yang dinyatakan di dalam dokumen PPPB dan petunjuk lukisan/model.

**Medan 5:**Jenis Lukisan

Penamaan	Contoh Kod
Lukisan/sub lukisan (empat aksara)	x-01 – pelan aras satu, y-02 – pandangan belakang, z-01 – keratan rentas A-A, ew – pelan kerja tanah dan sebagainya

Contoh: **x-01****Medan 6:**Tarikh Verifikasi atau Arahan Pindaan Rekabentuk yang Dilaksanakan

Penamaan	Contoh Kod
*Tahun (YYYY)	2014, 2020 dan sebagainya
*Bulan (MM)	01, 10, 12 dan sebagainya
*Tanggal (DD)	01,16,23 dan sebagainya
*Semakan kemajuan (satu abjad kecil)	a, b, c dan sebagainya

Contoh: **2014-01-20a**

\* Perlu sama dengan fail model

Contoh penamaan fail lukisan elektronik ditunjukkan dalam jadual 2.5:

Jadual 2.5 : Contoh penamaan fail lukisan elektronik

<b>Nama Lukisan Elektronik</b>	
jkrAR14-3p_(BAqab1_14-001)_A1_x-01_(2014-07-03a).dwfx	
<b>Keterangan</b>	
jkrAR14-3p	Lukisan elektronik yang disediakan oleh arkitek JKR menggunakan perisian Revit Versi 2014 pada peringkat rekabentuk terperinci untuk kelulusan pihak PBT
(BAqab1	Kategori kediaman untuk Kuarters Kelas A Banglo Jenis 1
14-001)	Projek pertama yang didaftarkan dalam tahun 2014
A1	Blok kuarters A1
x-01	Pelan aras satu
(2014-07-03a)	Tarikh verifikasi rekabentuk 3/7/2014 dan status kemajuan pertama
dwfx	Format fail <b><i>Design Review</i></b>

- b) Fail dokumen elektronik yang dihasilkan daripada beberapa perisian selain perisian Revit untuk pelbagai kegunaan. Contoh format fail yang terlibat ialah seperti fail AutoCAD (dwg), Microsoft Project (mpp), fail Adobe Photoshop (psd), fail animasi (avi dan wma), dan fail Microsoft Office (docx dan xls). Fail ini hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

**<Tarikh penerimaan>\_<Kod Disiplin & Versi Perisian & Fasa Projek>  
space<Deskripsi>**

Contoh penamaan fail dokumen elektronik adalah seperti jadual berikut:

Jadual 2.6 : Contoh penamaan fail dokumen elektronik perisian lain

<b>Nama Dokumen Elektronik Perisian Lain</b>	
2014-07-03a_jkrJT14-1 Survey drawing.dwg	
<b>Keterangan</b>	
2014-07-03a	Tarikh terima fail pada 3/7/2014 dan status pindaan
jkrJT14-1	Lukisan elektronik yang disediakan oleh Jurukur Tanah JKR menggunakan perisian AutoCAD 2014 pada peringkat rekabentuk konsep
<i>Survey drawing</i>	Deskripsi
dwg	Format fail AutoCAD

## 2.6 Penamaan *Worksets*


*Worksets* dinamakan seperti berikut :

**<Kod Disiplin>\_<Lokasi / Deskripsi / Elemen / Link File>**

Contoh penamaan *worksets* adalah seperti berikut : **jkrAR\_Aras Satu**

## 2.7 Penamaan Elemen Revit

Elemen Revit yang terlibat ialah model dan **Annotation** seperti yang ditunjukkan di dalam rajah berikut :



Rajah 2.4: Elemen Revit

### 2.7.1 System Family

**System Family** merupakan elemen 3D yang terdapat di dalam projek (rvt) seperti dinding, lantai, bumbung, tangga dan sebagainya. Penamaan fail adalah berbeza mengikut disiplin dan hendaklah dinamakan seperti berikut :

**<Kod Disiplin>\_<Family categories>\_<(Kod Komponen)>-  
<LOd>space<Deskripsi>**

Contoh penamaan fail adalah seperti jadual berikut :

Jadual 2.7 : Contoh penamaan fail ***System Family***

<b>Nama System Family</b>	
jkrAR_wll_(Dbb01a-i)-3 115mm Dinding Bata	
<b>Keterangan</b>	
